



MINISTRY OF INVESTMENT, TRADE AND INDUSTRY  
DEPARTMENT OF STANDARDS MALAYSIA

## DEPARTMENT OF STANDARDS MALAYSIA

GSD 8  
(Issu 1, 11 Mac 2023)

**GARIS PANDUAN MENDAPATKAN PENENTUSAHAN DARI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA BERKENAAN  
PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI STANDARDISASI  
ANTARABANGSA BAGI TUJUAN TUNTUTAN POTONGAN DI  
BAWAH PERENGGAN 34(6)(o)  
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

*BERKUATKUASA MULAI TAHUN TAKSIRAN 2004*

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Halaman</b>
1. Objektif	3
2. Latar Belakang	3
3. Kriteria Kelayakan Aktiviti Standardisasi Antarabangsa	3 – 4
4. Kriteria Kelayakan Perbelanjaan Aktiviti Standardisasi Antarabangsa	4 – 5
5. Prosedur Permohonan	5 – 6
6. Carta Aliran : Prosedur Memproses Permohonan	7

## **1.0    OBJEKTIF**

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan :

- a) kriteria kelayakan dan perbelanjaan yang dibenarkan sebagai potongan di bawah perenggan 34(6)(o) Akta Cukai Pendapatan 1967;
- b) prosedur am bagi menentusahkan penyertaan dalam aktiviti standardisasi antarabangsa.

## **2.0    LATAR BELAKANG**

- 2.1 Bagi menggalakkan penyertaan aktif sektor swasta dalam usaha standardisasi negara, Kerajaan telah bersetuju bahawa berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2004, potongan akan diberi ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh sektor swasta untuk menyertai aktiviti standardisasi antarabangsa. Penyertaan tersebut mestilah ditentusah dan diluluskan oleh Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Pelaburan, Perdagangan & Industri (MITI).
- 2.2 Lanjutan daripada keputusan kerajaan ini, Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dipinda dengan memperkenalkan perenggan 34(6)(o) yang memperuntukkan:

“(o) Satu jumlah yang bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan oleh satu syarikat dalam tempoh berkenaan bagi menyertai aktiviti-aktiviti standardisasi antarabangsa yang diluluskan oleh Jabatan Standard Malaysia adalah dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar.”

## **3.0    KRITERIA            KELAYAKAN            AKTIVITI            STANDARDISASI           ANTARABANGSA**

### **3.1    Kriteria Kelayakan**

- 3.1.1 Takrif “penyertaan dalam aktiviti standardisasi antarabangsa” bagi maksud permohonan ini adalah seperti berikut:

“Menghadiri mesyuarat antarabangsa atau forum sepertinya sama ada diadakan di dalam atau di luar negara dengan objektif berikut:

- a. membangunkan standard antarabangsa;
- b. mempengaruhi halatuju atau polisi standardisasi di peringkat serantau dan antarabangsa; dan

- c. mengemukakan pendirian dan menjaga kepentingan negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Mesyuarat atau forum antarabangsa yang dihadiri termasuklah:

- a. mesyuarat pembangunan Standard Antarabangsa di dalam Jawatankuasa Polisi dan Teknikal badan-badan Standardisasi Antarabangsa seperti ISO<sup>1</sup> dan IEC<sup>2</sup> SMIIC<sup>3</sup>.
- b. menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Polisi dan Teknikal di peringkat ASEAN, rantau Asia Pasifik dan lain-lain, di mana Malaysia mempunyai kepentingan untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut.

3.1.2 Aktiviti-aktiviti seperti berikut tidak layak dipertimbangkan sebagai penyertaan dalam aktiviti standardisasi Antarabangsa:

- i) membiayai penganjuran mesyuarat antarabangsa bagi membangunkan standard antarabangsa di mana Malaysia menjadi tuan rumah bagi mesyuarat tersebut;
- ii) membiayai aktiviti-aktiviti promosi standard yang menyokong secara langsung dan tidak langsung kepada pembangunan standard antarabangsa; dan
- iii) membiayai kos penyelenggaraan atau pengurusan sekretariat bagi Jawatankuasa Teknikal ISO atau IEC atau SMIIC di mana Malaysia adalah sekretariat kepada Jawatankuasa teknikal tersebut.

3.1.3 Permohonan adalah terbuka kepada syarikat swasta yang beroperasi di Malaysia. Potongan ini tidak diberikan kepada orang perseorangan.

3.1.4 Pembiayaan untuk delegasi yang menghadiri mesyuarat antarabangsa adalah terhad kepada 3 delegasi bagi setiap mesyuarat.

---

<sup>1</sup> International Organization for Standardization

<sup>2</sup> International Electrotechnical Commission

<sup>3</sup> Standards and Metrology Institute for Islamic Countries (SMIIC)

## **4.0 KRITERIA KELAYAKAN PERBELANJAAN BAGI AKTIVITI STANDARDISASI ANTARABANGSA**

### **4.1 Perbelanjaan Yang Layak Diberikan Potongan**

4.1.1 Jenis perbelanjaan yang layak dipertimbangkan untuk membiayai delegasi mesyuarat adalah seperti berikut:

- a) Bayaran tiket kapal terbang pergi dan balik pada kadar kelas ekonomi;
- b) Bayaran penginapan pada kadar bilik standard di negara berkenaan;
- c) Bayaran sara hidup pada kadar tidak lebih RM300/hari; dan
- d) Bayaran pendaftaran pada kadar seperti yang ditetapkan oleh pihak pengajur (sekiranya ada).

### **4.2 Amaun Yang Dibenarkan Potongan**

4.2.1 Amaun yang dibenarkan potongan adalah sama dengan perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat swasta yang terlibat bagi perbelanjaan-perbelanjaan seperti yang dinyatakan pada para 4.1.1 (a-d) di atas.

## **5.0 PROSEDUR PERMOHONAN**

5.1 Permohonan hendaklah dibuat bagi setiap tahun taksiran dalam **Borang JSM/ Std/ Cukai** dan dikemukakan bersama dengan dokumen sokongan kepada:

**KETUA PENGARAH  
JABATAN STANDARD MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI  
(MITI)  
ARAS 4-7, TOWER 2, MENARA CYBER AXIS  
JALAN IMPACT CYBER 6  
63000 CYBERJAYA  
SELANGOR**

- 5.2 **Borang JSM/ Std/ Cukai** boleh diperolehi di Jabatan Standard Malaysia (JSM). Pemohon juga boleh memuat turun borang ini di laman web Standards Malaysia iaitu <http://www.jsm.gov.my>.
- 5.3 Permohonan bagi mendapatkan penentusahan hendaklah dikemukakan oleh syarikat atau agen yang diberi kuasa oleh syarikat berkenaan kepada JSM selewat-lewatnya 3 bulan selepas tarikh tutup perakaunan syarikat.
- 5.4 Pemohon hendaklah membuat pengakuan di dalam borang permohonan bahawa perbelanjaan yang mana permohonan dibuat adalah perbelanjaan bagi penglibatan dalam aktiviti standardisasi antarabangsa.
- 5.5 Jika perlu, pemohon akan dihubungi oleh JSM untuk memberi keterangan mengenai perbelanjaan yang digunakan.
- 5.6 Pemohon dinasihatkan memberi maklumat yang betul seperti dikehendaki dalam borang permohonan. Jika didapati kemudian bahawa maklumat yang diberikan tidak betul atau palsu, JSM berhak menarik balik kelulusan yang telah diberikan.
- 5.7 Sekiranya permohonan dibuat untuk lebih daripada satu perbelanjaan/aktiviti, maklumat-maklumat dalam **Bahagian B dan C** borang permohonan hendaklah diberi secara berasingan bagi tiap-tiap perbelanjaan/aktiviti.
- 5.8 Apabila permohonan diterima, JSM akan mengeluarkan surat kelulusan atau sebaliknya, mengikut mana yang berkaitan, kepada pemohon.
- 5.9 Untuk keterangan lanjut, pemohon boleh menghubungi:

**KETUA PENGARAH  
JABATAN STANDARD MALAYSIA  
KEMENTERIAN PELABURAN, ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)  
ARAS 4-7, TOWER 2, MENARA CYBER AXIS  
JALAN IMPACT CYBER 6  
63000 CYBERJAYA  
SELANGOR  
Tel : 603-8008 2872  
Faks: 603-8008 2901  
Emel: [info@jsm.gov.my](mailto:info@jsm.gov.my)**

## 6.0 CARTA ALIRAN : PROSEDUR MEMPROSES PERMOHONAN

